

28/01/2001

Ahli IPF perlu timbang tawaran MIC

KUALA LUMPUR: Presiden Barisan Kemajuan India Semalaysia (IPF), Datuk M G Pandithan menyerahkan kepada ahli partinya untuk menerima atau menolak tawaran Datuk Seri Samy Vellu agar IPF kembali ke pangkuan MIC.

Bekas Naib Presiden MIC itu semalam menegaskan, beliau mahu ahli parti membuat keputusan muktamad mengenai perkara itu pada Perhimpunan Agungnya, 11 Februari ini.

"Ini bukan soal saya saja, tetapi soal kebajikan ahli parti itu pada keseluruhannya, khususnya di peringkat akar umbi lebih diutamakan dan kedudukan bukanlah satu perkara penting kepada saya.

"Kemasukannya semula ke dalam parti itu perlu dibuat dengan matang dan mengambil kira pelbagai pendapat dan kemahuan kira-kira 500,000 ahli IPF.

"Bagaimanapun, saya berharap Samy Vellu memberi jaminan mengenai kedudukan yang bakal diperolehi daripada semua ahli IPF jika mereka menyertai semula MIC.

"Kini, tawaran Presiden MIC itu sudah menjadi satu isu nasional. Ia juga mendapat perhatian daripada pemimpin utama negara termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Presiden Gerakan, Datuk Seri Lim Keng Yaik.

"Saya perlu memikirkan pelbagai perkara sebelum menerima pelawaan itu demi menjaga hati semua ahli IPF," katanya pada sidang media di Hotel Mint, di sini, semalam.

Minggu lalu, Samy Vellu membuat tawaran terbuka kepada Pandithan serta pengikutnya kembali ke parti itu. Tawaran itu dibuat selepas mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MIC (CWC).

Pandithan pernah menjadi naib presiden MIC, dipecat 1 Disember 1988 kerana perbezaan pendapat dan perselisihan faham dengan Samy Vellu.

Pandithan berkata, beliau perlu memanjangkan jaminan Samy Vellu itu kepada semua ahli perwakilannya termasuk 1,800 cawangan dan 100 bahagian ketika mesyuarat Perhimpunan Agung sebelum membuat sebarang keputusan berhubung kemasukan semula dalam MIC.

"Pendirian saya pada ketika ini belum diputuskan lagi. Biarlah perwakilan yang menentukannya. Saya mahu semua pihak berpuas hati dan tidak mahu disalahkan kemudian," katanya.

Bagaimanapun, beliau berterima kasih dengan Samy Vellu yang mempelawanya memasuki semula ke parti itu dan ia dianggap sebagai tindakan positif selepas 12 tahun disingkirkan daripada parti berkenaan.

Pandithan berkata, setakat ini, beliau berpuas hati dengan perjuangannya dia dalam IPF termasuk mampu mengatasi masalah sosial seperti gangsterisme dan pendidikan masyarakat India.

Selain itu, kewujudan IPF bukan untuk menunjuk-nunjuk, sebaliknya sebagai sahabat dan penyokong kuat kerajaan Barisan Nasional (BN).

(END)